



**PARA** pelajar bergambar bersama kakitangan Kumpulan Matrix Concepts Holdings Berhad dan ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) semasa Program Kelestarian Alam Sekitar 2023 di Bandar Sri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

## **Duta Alam Sekitar**

**SERAMAI 300** murid dan pelajar dari 10 buah sekolah di sekitar Sendayan, Seremban menyertai Program Kelestarian Alam Sekitar 2023 anjuran kumpulan Matrix Concepts Holdings Berhad di Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Program tersebut adalah satu komitmen dan tanggungjawab syarikat berkenaan sebagai pemaju hartanah bagi mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat di sekitar Bandar Sri Sendayan dengan memberikan keutamaan ke arah kehidupan yang lebih sihat dan mengekalkan persekitaran bersih

Semua pelajar berkenaan juga dipilih menjadi Duta Alam Sekitar untuk meningkatkan pemahaman kepada rakan-rakan mereka, ibu-bapa dan masyarakat.